

THE TITAN

richworks.com/thetitan

Industry View

INDUSTRI
PELANCONGAN
KESIHATAN



RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

23 OKTOBER 2022 | BIL: 30
www.richworks.com

NEO
MEDICARE
BANTU SELESAIKAN SAKIT KRONIK



RICHWORKS™

TITAN
YOUR S
ARTNER



ILMU, KEPAKARAN DAN PENGALAMAN DIMANFAATKAN

Kisah figura hebat yang tak mahu ilmu dimiliki turut bersara bersama usianya. Tak semua individu sudah bersara hanya menghabiskan masa bersama keluarga dan bermain dengan cucu.

Rugi ilmu, kepakaran dan pengalaman yang ditimba selama puluhan tahun sia-sia begitu sahaja tanpa dimanfaatkan.

Situasi itu juga yang membuatkan bekas pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian, Kelantan, Profesor Dr. Ab Aziz Al Safi mahu terus mencerah bakti kepada masyarakat terutamanya kepada individu yang mengalami masalah penyakit kronik seperti sakit buah pinggang kronik tahap lima.

Dr. Ab Aziz merupakan lulusan pengajian perubatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), sebelum melanjutkan pelajarannya ke peringkat Doktor Falsafah (PhD) di University of Liverpool.

Beliau juga berpengalaman mengajar penuntut perubatan dan pasca siswazah mengenai latihan kepakaran serta merawat pesakit di hospital.

Selain itu, Dr. Ab Aziz turut menjalankan pelbagai jenis kajian terutamanya berkait penyakit diabetes, darah tinggi, kolesterol dan obesiti.

RUGI TAK KONGSI ILMU

Katanya, ketika mendengar video Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman yang sering kali mengulang sabda Rasulullah SAW, sebaik-baik manusia di antaramu adalah yang paling banyak manfaatnya bagi orang lain (Riwayat Bukhari dan Muslim).

“Jadi saya rasa bila tak kongsi dengan orang lain ini akan menjadi kesalahan. Saya rasa dengan ilmu yang saya ada, saya boleh beri manfaat kepada ramai orang dan memang betul,” ujarnya.



Sehubungan itu, beliau mengambil langkah mengasaskan Kumpulan Perubatan Neo Medicare yang menawarkan gabungan rawatan moden dan tradisional.

MILIK BUMIPUTERA

NEO Medicare merupakan antara syarikat 100 peratus milik Bumiputera didaftarkan di bawah syarikat Neo Beqam Sdn Bhd berpangkalan di Kubang Kerian, Kelantan.

"Ia merupakan pusat perubatan yang menawarkan rawatan bekam sejak ditubuhkan pada 2015.

"Bukan itu saja, NEO Medicare turut diiktiraf sebagai pusat amalan perubatan bersepadu yang dilengkapi peralatan berteknologi tinggi dan setanding perkhidmatan di hospital terutamanya untuk rawatan sakit kronik.

"Rawatan bekam klinikal yang kami tawarkan amat unik kerana ia berpaksikan prosedur operasi standard (SOP) ketat, bersih, selamat

dan memberikan kesan perubatan yang positif," jelasnya.

SELARI PROTOKOL MENGUBATI PENYAKIT KRONIK

Kaedah digunakan juga selari dengan protokol untuk mengubati pelbagai penyakit kronik.

"Lebih menarik, segala perundingan dan rawatan dipantau oleh saya sendiri serta dikendalikan oleh kakitangan terlatih dan berpengalaman" katanya yang pernah membuat kajian mengenai keberkesanan kaedah bekam merawat sakit kronik sebelum ini.

Hasil kajian klinikal pasukannya di USM selama 12 bulan pada 2012 mendapat bekam boleh menurunkan paras glukos darah, tekanan darah, meningkatkan fungsi buah pinggang dan saluran darah.

"Hasil kajian ini dikongsikan melalui pembentangan saintifik di dalam dan luar negara. Berdasarkan hasil kajian yang begitu

“

baik, kempen kesedaran tentang kelebihan berbekam klinikal telah dijalankan,” jelasnya.

TAK ARIF ILMU BISNES

Beliau yang lebih 20 tahun berpengalaman dan dilatih dalam rawatan konvensional atau alopati, menimba ruang kerja sebagai pensyarah dan perunding di sebuah pusat rawatan diabetes yang juga hospital latihan di Kelantan.

Walaupun memiliki kepakaran dalam bidang sains perubatan namun beliau menyedari dirinya tidak arif dalam selok belok perniagaan. Di situlah beliau mula menyertai program anjuran RichWorks.

“Dulu saya tiada hala tuju, visi, misi ataupun memahami nilai sesbuah perniagaan. Saya membuka klinik seolah-olah hanya untuk mengisi masa lapang.

“Saya langsung tidak mengawal stok dan akaun juga tidak terjaga. Malah, saya tiada dasar pengambilan kakitangan, tidak tahu untung dan rugi. Pendek kata, saya tiada hala tuju,” ujarnya lagi.

PESAKIT LUAR DARI KELANTAN

Cabaran perniagaan sentiasa berubah, lebih-lebih lagi ketika kerajaan mengumumkan perintah kawalan pergerakan (PKP).

“Sebelum ini, saya tak terdedah dengan media sosial, hanya tunggu pesakit datang ke klinik namun selepas saya mengikuti beberapa program anjuran RichWorks, saya mula berjinak-jinak dengan media sosial. Jadi apa yang saya buat masa PKP, saya mula buat live, saya sambut cabaran Dr. Azizan masa itu,” jelasnya.

Sehubungan itu, katanya, baru beliau sedar betapa ramai orang yang tak tahu perkhidmatan yang ditawarkan selama ini.

WALAUPUN MEMILIKI KEPAKARAN DALAM BIDANG SAINS PERUBATAN NAMUN BELIAU MENYEDARI DIRINYA TIDAK ARIF DALAM SELOK BELOK PERNIAGAAN. DI SITULAH BELIAU MULA MENYERTAI PROGRAM ANJURAN RICHWORKS.”





Kumpulan perubatan di tempatnya turut dilengkapi dengan pelbagai mesin dan peralatan canggih dan termaju seperti hipertermia, ECP dan CTU dan i-tera bagi mempercepatkan proses pemulihan.

"Selepas saya menggunakan media sosial, lebih 50 peratus pesakit datang dari luar Kelantan, semua hasil mereka tahu daripada media sosial dan bercadang untuk membuka cawangan klinik di Lembah Klang dan beberapa lokasi lain.

"Sekurang-kurangnya setiap satu kawasan Parlimen (222 kawasan) ada satu pusat rawatan bagi memudahkan pesakit yang memerlukan rawatan bekam dengan cepat dan berkesan," jelasnya.



PENCAPAIAN

Hasil bimbingan serta tunjuk ajar berterusan setelah menyertai program Titanium Circle pada penghujung 2020 membuatkan banyak kejayaan buat Dr. Ab Aziz dan perniagaannya.

"Sejak menyertai program Titanium menerusi bimbingan mentor, saya mempelajari elemen penting untuk berjaya dalam perniagaan. Saya juga diterapkan dengan ilmu bagi mengelak melakukan perkara yang mampu meruntuhkan perniagaan."

"Sokongan padu daripada rakan-rakan Titan yang sentiasa positif dan amat memberi kerjasama juga banyak membantu perniagaan saya berkembang dengan baik," ujarnya.

Sebagai pesara kerajaan, beliau tidak pernah terfikir bahawa boleh menjadi seorang jutawan hanya dengan mengusahakan perniagaan klinik bekam.

Pada 2021, keuntungan klinik yang mempunyai 20 pekerja itu meraih RM7.2 juta berbanding RM4 juta pada 2020.

Selain rawatan bekam klinikal, NEO Medicare juga menawarkan produk kesihatan seperti Jus Afeeya.

"Saya juga menulis beberapa buah buku dan ebook, antaranya 9 langkah mudah selamatkan buah pinggang, resepi untuk sihat, sains bekam, blood cupping therapy dan panduan menangani obesiti," ujarnya.

Turut membanggakan apabila syarikatnya merangkul anugerah The Brand Laureate 2022 Bumiputera Best Brands Awards.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut boleh layari laman web ni neowellnessmy.com.





NASIHAT DR. AB AZIZ



PERTAMA, dapat bimbingan dan tunjuk ajar mentor.

"Kepada sesiapa sahaja yang berhasrat untuk memulakan sesbuah perniagaan supaya mendapatkan bimbingan dan tunjuk ajar daripada mentor atau pun jurulatih supaya tidak tersilap langkah," katanya.

KEDUA, terus memberi manfaat.

"Usia bukan penghalang atau menghadkan kita untuk terus menabur bakti dan terus memberi manfaat kepada orang ramai," ujarnya.

KETIGA, jangan pernah berputus asa.

"Hanya satu perbezaan di antara orang yang berjaya dan gagal iaitu orang yang berjaya tidak berputus asa," kata Dr. Ab Aziz. 

INDUSTRI PELANCONGAN **KESIHATAN**



Kredibiliti Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi industri pelancongan kesihatan di dunia tidak disangkal lagi.

Tambahan pula, negara ini sebagai lokasi penjagaan kesihatan menakjubkan atau ‘world healthcare marvel’ melalui perkhidmatan yang berkualiti dan harga berpatutan.

Imej negara terserlah di mata dunia dalam mengawal penularan COVID-19, selain Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah tersenarai sebagai tiga doktor terbaik di dunia berupaya menambah mata kredit bagi membolehkan pesakit antarabangsa memilih negara ini.

Menurut Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC), negara ini mampu kembali unggul menerusi aktiviti pelancongan kesihatan selepas berhadapan saat getir susulan wabak COVID-19.

PESAING SEKTOR PELANCONGAN KESIHATAN

Sekarang negara kita membuka semula sempadannya pada April 2022, kita boleh menjangkakan jumlah pelancong yang tinggi ke Malaysia dalam fasa endemik ini.

Ini tidak menghairankan kerana Malaysia adalah salah satu destinasi pelancongan yang paling disukai di dunia, menduduki tempat ke-18 di negara-negara yang paling banyak dikunjungi pada 2020.

Di luar tarikan semula jadi kita, warisan budaya dan masakan yang lazat, Malaysia juga muncul dengan pantas sebagai pesaing yang kuat dalam sektor pelancongan kesihatan dan perubatan global.

PELANCONGAN PERUBATAN

Pelancongan perubatan merujuk kepada orang yang melancong ke luar negara ke negara lain untuk mendapatkan rawatan perubatan.

Pada masa lalu, orang dari negara yang kurang maju akan melakukan perjalanan jauh ke negara-negara maju untuk mengakses pilihan penjagaan yang lebih baik.

Walau bagaimanapun, jadual telah berubah dalam beberapa tahun kebelakangan ini kerana semakin ramai orang pergi ke negara-negara membangun untuk mendapatkan penjagaan untuk pelbagai keperluan.

Di Malaysia, pelancongan kesihatan terbahagi kepada dua kategori utama:

Pelancongan perubatan: Rawatan dan prosedur perubatan yang ditawarkan di hospital dan kemudahan kesihatan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Program kesihatan: Program pemulihan, fisioterapi, spa, refleksologi dan urutan.

PENJAGAAN KESIHATAN MALAYSIA

Daya tarikan penjagaan kesihatan Malaysia diserlahkan oleh pelbagai faktor meliputi kedudukan Malaysia sebagai destinasi penjagaan kesihatan yang mengutamakan keselamatan pesakit, termasuk kedudukan strategik kita sebagai negara yang mesra Muslim.

Kewujudan pelbagai tarikan pelancongan serta sistem penjagaan kesihatan berbilang bahasa yang meluaskan lagi keupayaan Malaysia untuk berkomunikasi dengan pesakit dari Asia dan serata dunia.

MALAYSIA MEMPUNYAI KELEBIHAN DALAM SEKTOR PELANCONGAN KESIHATAN DI MANA NEGARA SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN NOMBOR SATU MEMBABITKAN JUMLAH KUNJUNGAN SERAMAI 1.3 JUTA PELANCONG PADA 2019.

Pada masa sama, MHTC juga giat meluaskan pasaran pelancongan kesihatannya dengan membuat sasaran yang turut melangkaui fokus pasarannya.

Sejak 10 tahun yang lalu, pelancong kesihatan dari Australia, Bangladesh, United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS) antara yang tergolong di tangga teratas.

Malaysia juga telah meraih populariti sebagai Hab Kardiologi Asia sepanjang dekad yang lalu dengan adanya fraterniti perubatan pakar serta infrastruktur penjagaan kesihatan di negara.

Malah, Institut Jantung Negara (IJN) telah menerima pengiktirafan dalam industri kesihatan global setelah menjadi hospital pertama di luar

Amerika Syarikat yang berjaya mengimplan perentak jantung Micra AV, iaitu peranti implan untuk rawatan degupan jantung yang lemah melalui perentak.

Langkah ini menarik golongan pesakit yang khusus ke Malaysia, dalam usaha mereka untuk mendapatkan khidmat penjagaan kesihatan berkualiti yang diyakini dan mampu dimiliki.

DESTINASI NOMBOR SATU

Malaysia mempunyai kelebihan dalam sektor pelancongan kesihatan di mana negara sebagai destinasi pelancongan nombor satu membabitkan jumlah kunjungan seramai 1.3 juta pelancong pada 2019.

Berdasarkan statistik sebanyak 60 peratus pesakit adalah dari Indonesia, diikuti China, India dan rantau Asia Tenggara. Mereka memilih Malaysia disebabkan kualiti perkhidmatan, mampu milik dan akses yang mudah.

Beberapa hospital swasta di negara ini juga berjaya menempa nama di persada antarabangsa dengan kejayaan masing-masing.

Selain itu, Malaysia terkenal sebagai destinasi pelancongan Muslim sehingga menarik perhatian pesakit beragama Islam dari Brunei, Singapura, Indonesia, negara di Teluk Arab, India dan Bangladesh untuk datang ke sini bagi mendapatkan rawatan kesihatan dan menikmati kemudahan pelancongan patuh syariah.

Kos perubatan, hospital swasta di Malaysia perlu mematuhi harga siling yang ditetapkan oleh kerajaan. Kos rawatan kira-kira 40 hingga 80 peratus lebih murah berbanding rawatan di Amerika Syarikat, United Kingdom, Eropah dan Australia.



PILIHAN PELANCONG KESIHATAN INDONESIA

Malaysia kekal sebagai destinasi pilihan untuk pelancong penjagaan kesihatan dari Indonesia meskipun semasa pandemik disebabkan kualiti bertaraf dunia, mudah diakses, mampu milik dan penjagaan keseluruhan yang lancar.

Pada 2019, lebih 670,000 rakyat Indonesia mendapatkan rawatan perubatan di Malaysia.

Ia sekali gus mencerminkan Malaysia sebagai destinasi yang selamat dan diyakini dalam sektor penjagaan kesihatan yang dikawal selia Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pembukaan semula sempadan Malaysia pada April menjamin pengembara pelancongan kesihatan, terutamanya dari Indonesia boleh kembali

menerima rawatan.

Sehubungan itu, MHTC menjangkakan sektor pelancongan kesihatan negara dianggarkan menjana sebanyak AS\$240 bilion menjelang 2025.

Industri pelancongan kesihatan sangat besar dan potensinya untuk menjana sumber kewangan buat negara akan meningkat dari tahun ke tahun.

Malaysia sendiri telah mengenal pasti pelancongan kesihatan sebagai satu sektor yang boleh meningkatkan pendapatan kepada negara terutama dari segi perkhidmatan eksport dengan kita dapat mengimbangkan eksport perkhidmatan dan juga eksport barang.

Bagi yang berminat mendapatkan maklumat lanjut mengenai industri pelancongan kesihatan, anda boleh berhubung dengan MHTC dengan layari laman web www.mhtc.org.my.

**Business
Evaluation
Success
Transformation**



**KHAS KEPADA USAHAWAN YANG NAK
BISNES GROW 10X PADA TAHUN 2022**

**KUASAI PASARAN WALAUPUN RAMAI
PERSAINGAN DAN BINA RAVING FANS YANG
TER'GILA-GILA' KAN PRODUK DAN SERVIS ANDA!**

MOHON SEKARANG: richworks.com/best



MILLIONAIRE MARKETING MASTER CLASS

AKAN DATANG **2023**

E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

richworks.com/thetitan

RICHWORKS®
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE **TITAN**

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAHINI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.